




سِتْيَاوْسَهَا كَرَايَا ن تَرَعْتَا نُو
SETIAUSAHA KERAJAAN
TERENGGANU



SUK.TR. 1140/16 S.K:A Bhg.7 - (62)

1 Februari 2005
21 Zulhijjah 1425

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Penguasa Tempatan Negeri Terengganu

Tuan,

PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU BIL. 29 TAHUN 2005

**PINDAAN KADAR HARGA MAKANAN UNTUK JAMUAN-JAMUAN YANG
DIANJURKAN OLEH SESEBUAH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan memaklumkan bahawa Pentadbiran Negeri telah bersetuju **meminda** kadar harga makanan untuk majlis-majlis jamuan yang dianjurkan oleh sesebuah jabatan/agensi kerajaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 10 Tahun 1992 bertarikh 8 Disember 1992.

2. Kadar baru yang dipersetujui adalah sebagaimana berikut:-

- i) Bagi seminar, kursus, majlis perasmian atau penutup, lawatan dan seumpamanya kadar harga adalah:-
 - a) Jamuan makan tengahari dan jamuan makan malam tidak melebihi RM10.00 seorang
 - b) Nasi bungkus tidak melebihi RM5.00 seorang
 - c) Jamuan teh/makan pagi tidak melebihi RM5.00 seorang
- ii) Bagi jamuan meraikan dif-dif dari luar negeri secara **standard buffet** hendaklah tidak melebihi RM50.00 seorang.
- iii) Bagi jamuan rasmi Kerajaan Negeri, seperti Jamuan Di Raja, Jamuan Negeri dan jamuan-jamuan yang setaraf dengannya adalah tidak terikat dengan kadar harga yang ditetapkan dalam (i) dan (ii) di atas.

3. Dengan pindaan ini, Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 10 Tahun 1992 bertarikh 8 Disember 1992 adalah dibatalkan.

